

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : NEW STRAITS TIME

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)



### Baucar Buku Semarak Membaca boleh ditebus mulai 21 Okt hingga 15 Nov - PNM

Bernama

Oktober 26, 2021 05:44 MYT



PNM berkata Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca mampu memupuk Keluarga Malaysia dalam membudayakan amalan membaca serta dapat meringankan beban rakyat untuk membeli buku. - Gambar fail/BERNAMA

**KUALA LUMPUR:** Baucar Buku Semarak Membaca yang bernilai RM10 setiap satu telah mula diedarkan di 168 buah kedai buku terpilih dan boleh ditebus mulai 21 Okt sehingga 15 Nov melalui sebuah kedai buku secara dalam talian di laman sesawang [www.e-sentral.com](http://www.e-sentral.com).

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam kenyataan berkata ia disusuli dengan penebusan secara fizikal di 167 buah kedai buku terpilih mulai semalam (25 Okt).

Penerima baucar layak menebus atau menikmati potongan diskauan dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi.